
[BIL. 72 APR 2020](#)



The logo consists of the word "CREATE" in large, bold, white capital letters. The letter "R" is partially yellow, while the rest of the letters are white. Below "CREATE", the word "e-newsletter" is written in a smaller, italicized, lowercase white font.

UMP tangguh P&P sehingga 14 April depan

Susulan pelanjutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan di seluruh negara dan arahan penutupan Universiti Malaysia Pahang (UMP) menangguhkan semua operasi perkhidmatan dan tiada aktiviti Pengajian dalam talian dilaksanakan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak 18 Mac sehingga

Keputusan ini juga merujuk saranan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dalam pengendalian program akademik tatkala negara berdepan dengan pandemik penularan wabak Covid-19 di negara ini.

Menurut Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Profesor Ts. Dr. Mohd Rosli Hainin, kepu pelajar di lokasi masing-masing di mana majoriti pelajar telah berada bersama keluarga di kampung dan a pelajar.

“Tempoh PKP selama lebih empat minggu dalam menangani penularan wabak Covid-19 ini pastinya mem semua institusi pendidikan termasuk UMP.

“Justeru, pihak universiti juga akan membuat pindaan terhadap kalendar akademik bagi Semester II Sesi Mesyuarat Senat Universiti yang bakal bersidang,” katanya.

“Berdepan dengan situasi ini juga, universiti turut bersedia untuk mengaktifkan mod P&P secara dalam kaedah pembelajaran ini, Pusat Sumber Pengajaran dan e-Pembelajaran (CIReL) telah mengadakan beberapa staf akademik,” katanya.

Ujarnya, kursus ini merangkumi kepelbagaian pelantar dan aplikasi, kaedah P&P dan pilihan dalam pengajaran boleh disesuaikan dengan kursus pengajian yang diikuti pelajar.

“Malahan setiap fakulti juga telah mengambil tindakan bagi menyediakan bahan dan aktiviti P&P secara bersesuaian untuk meneruskan keperluan tanpa mengganggu pengkuliahuan.

“Dari aspek aplikasi Sistem Pengurusan Pembelajaran (LMS) UMP yang dinamakan KALAM, sistem ini memboleh semasa keperluan penggunaan pelajar pada tahap yang optimum secara serentak dengan capaian internet dan teknologi komunikasi.

“Sehingga kini, sebanyak 65 peratus kursus yang ditawarkan oleh UMP telah mencapai tahap pembelajaran jarak jauh secara asas.

“Pelajar berada dalam kelompok celik IT dan mampu mengadaptasikan penggunaan teknologi P&P yang dimiliki dalam sistem ini,” ujar beliau.

Hasil kajian maklum balas yang dijalankan universiti ke atas pelajar baru-baru ini juga mendapat lebih 800 responden. Dari jumlah tersebut, 60 peratus responden mengatakan mereka tidak mempunyai akses Internet Learning dan baki hampir 20 peratus kurang bersedia kerana berada di kawasan yang mempunyai liputan dunia maya.

Untuk itu katanya, para pensyarah mempunyai beberapa alternatif sama ada untuk mengadakan sesi P&P secara langsung atau melalui video conference. Ia boleh dilakukan dalam suasana yang tidak segerak (*asynchronous*) mahupun mengadakan P&P berdasarkan tugas-tugas tertentu.

Berada dalam tempoh PKP ini, beliau menasihatkan pelajar memanfaatkan masa ini dengan membuat ulangan dan latihan secara online. Beliau mahu pelajar memanfaatkan masa ini untuk berlatih diri dalam bidang makanan, kit kebersihan dan memastikan tahap kesihatan berada pada tahap yang baik serta menjalin silaturahim dengan rakan dalam memantapkan pemahaman.

Pihak universiti turut memastikan keselamatan dan kebajikan seramai lebih 800 pelajar yang berada di kampung. Beliau mahu pastikan mereka mendapat akses kepada makanan yang cukup, air minuman yang bersih, kit kebersihan dan memastikan tahap kesihatan berada pada tahap yang baik serta menjalin silaturahim dengan rakan dalam memantapkan pemahaman.

Buat warga kerja, nasihatnya agar terus istiqamah dalam menjalankan kerja (*work from house*) selain berusaha demi menjamin kualiti akademik terus terpelihara ke arah kecemerlangan universiti.

Mengenali penyakit penyebab kematian masyarakat Malaysia

Oleh: Dr. Hasnah Hussiin
Emel: hasnah@ump.edu.my

Sejak akhir-akhir ini kita telah didedahkan kepada penularan wabak virus COVID-19 yang menyebabkan banyak orang sakit dan meninggal dunia. Penularan wabak penyakit ini telah menimbulkan ketakutan masyarakat termasuklah negara Malaysia. Sebenarnya, penyakit ini bukanlah suatu yang baharu dalam masyarakat. Ia telah lama wujud dalam persekitaran masyarakat yang berada di kawasan bandar dan pedesaan. Perkembangan teknologi dan tatacara menjaga kebersihan diri dan alam sekeliling. Penularan wabak penyakit sememangnya boleh dihindari.

Secara umumnya, taraf kesihatan penduduk Tanah Melayu pada awal kemerdekaan sangat rendah. Antara faktor-faktor yang menyumbang kepada hal ini adalah peringkat kesihatan yang rendah pada penduduk sangat rendah adalah disebabkan berlakunya penularan beberapa penyakit yang menjadi penyebab kematian. Antara penyakit utama yang dihadapi oleh masyarakat pada ketika itu adalah penyakit cacing. Pada tahun 1958, terdapat seramai 2.5 juta masyarakat Tanah Melayu lelaki dan perempuan merupakan pengidap penyakit cacing. Kajian tersebut beliau mendapati sebanyak 2/3 atau 4,000,000 penduduk luar bandar merupakan pembawa penyakit cacing.

Kajian secara besar-besaran terhadap penyakit ini telah dilakukan di negeri Perak dan Kedah terhadap populasi mereka selama 14 tahun. Penemuan kajian ini juga mendapati faktor kemiskinan dan penyakit cacing saling berkaitan. Semakin besar tahap kemiskinan, semakin besar jumlah kanak-kanak yang mendapat penyakit cacing. Kalangan orang dewasa yang di mana didapati lebih 90 peratus daripada mereka juga menghidap penyakit cacing. Pada waktu itu tidak dipandang serius oleh semua lapisan masyarakat disebabkan para doktor di bandar juga

penyakit ini. Kebanyakan penghidapnya ialah penduduk luar bandar yang selalu terdedah dengan tanah cacing juga merupakan penyakit biasa dalam kalangan buruh ladang, penanam padi, pekerja estet dan pekerja

Kajian penyakit pada waktu itu juga mendapati selain penyakit cacing, antara penyakit utama yang menyebabkan masalah kesehatan dalam kalangan masyarakat luar bandar ialah *Malaria*, *Typhoid*, kekurangan zat pemakanan, *Anemia*, *Dysentery*, Kulit, Batuk kering, *Yaws*, *Filariasis*, *Diphtherias*, *Cholera*, *Typhus*, *Leptospirosis* dan *Viral Fevers* (Denggi, 1970). Paling banyak dihidapi oleh penduduk luar bandar ialah Malaria, Batuk Kering, *Gastro-enteritis*, cirit-birit, sebanyak 20,000 daripada 30,000 kes kematian yang berlaku setiap tahun disebabkan oleh demam berulang. Bagaimanapun, penyebab utama kadar kematian yang tinggi dalam kalangan masyarakat luar bandar pada masa itu adalah lemah dan kurangnya sistem imuniti. Pendaftar Umum Kelahiran dan Kematian. Kadar kematian di luar bandar pada masa itu adalah lebih daripada bandar pula sebanyak lapan peratus hingga sembilan peratus.

Dalam kajian yang lain, mendapati masyarakat luar bandar juga mengalami masalah kekurangan zat gizi. Kebiasaannya, ia berlaku dalam kalangan ibu-ibu yang mengandung dan ibu-ibu yang menyusukan anak mereka sehingga lima tahun.

Penyakit berbahaya seperti Malaria banyak berlaku di kawasan luar bandar di beberapa buah negeri seperti pantai Selangor, Pahang dan Terengganu. Di negeri Pahang misalnya kebanyakan masyarakat luar bandar mengalami masalah kekurangan zat makanan, penyakit cacing, puru serta masalah kekurangan doktor dan bidan. Penduduk luar bandarnya mengidap penyakit tibi. Masalah ini telah menyumbang kepada tingginya kadar kematian di luar bandar. Sebagai contohnya, kadar kematian masyarakat Melayu pada waktu ini adalah 129 orang bagi setiap 1,000 penduduk. Sedangkan di negeri Pahang iaitu seramai 176 orang bagi setiap 1,000 penduduk.

Secara amnya, taraf kesihatan penduduk luar bandar yang rendah adalah disebabkan tradisi, kepercayaan dan mempengaruhi jenis penyakit yang dihidapi. Dasar kerajaan dalam pembangunan kesihatan luar bandar perlu memberi perhatian kepada penyakit yang sering mengakibatkan kematian. Walau bagaimanapun, masalah kesihatan luar bandar memberi masalah kepada usaha untuk memajukan sektor kesihatan luar bandar apabila kerajaan tidak mengadakan penyelidikan penyakit dan pembinaan pusat-pusat kesihatan. Selain itu, daripada kajian yang dilakukan, merancang pembangunan kesihatan dapat dilihat apabila kerajaan tidak mengadakan penyelidikan menyeluruh berdasarkan kepada penyakit sebenar yang dihidapi oleh masyarakat luar bandar. Antaranya ialah penyakit yang tidak diberi perhatian manakala peruntukan dan pembasmian penyakit penduduk luar bandar tertumpu kepada penyakit cacing sahaja.

Kesimpulannya, penularan penyakit berjangkit pada awal kemerdekaan negara disebabkan oleh banyak faktor. Kurang kesedaran tentang bahaya penyakit dan penjagaan kebersihan alam sekeliling. Manakala pihak kerajaan dari segi kewangan menyebabkan penyelidikan terhadap beberapa penyakit berbahaya tidak dapat dilaksanakan.

kakitangan perubatan, pembangunan sumber manusia yang masih dalam perancangan serta kemudahan h

Penulis adalah Pensyarah Kanan, Pusat Sains Kemanusiaan Universiti Malaysia PAhang (UMP).

Budayakan sikap menyelidiki kesahihan berita dalam d

Oleh: DR. TUAN SIDEK TUAN MUDA
emel: sidek@ump.edu.my.

Kesan daripada perkembangan teknologi, muncul pula pelbagai bentuk media komunikasi baharu pada Instagram, Twitter dan lain-lain. Kemunculan pelbagai media ini mendatangkan kebaikan kepada mendatangkan keburukan. Salah satu keburukannya ialah wujudnya pelbagai fitnah dan berita-berita palsu hari ini, pelbagai fitnah berkaitan dunia politik, perniagaan, hiburan termasuklah berkaitan dengan isu masyarakat.

Dalam situasi kini adalah sangat baik agar ahli masyarakat mengamalkan sikap menyelidik kebenaran sesuatu dapat mengelakkan diri daripada terjerumus dalam mempercayai atau lebih teruk lagi turut terlibat dalam hal ini. Quran telah menyebut tentang perlunya sikap ini dijadikan amalan dalam kehidupan bermasyarakat sebagai “Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berkebenarannya, supaya kamu tidak menimpa sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini der sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan”. (Surah al-Hujurat: 6).

Menurut al-Zuhaili (2003), kebanyakan ahli tafsir berpendapat sebab turun ayat ini adalah berkaitan peristiwa Rasulullah SAW kepada kaum Bani Mustaliq untuk mengutip zakat daripada mereka. Apabila mendengar peristiwa daripada kaum Bani Mustaliq keluar untuk menyambutnya. Walau bagaimanapun, sebelum sempat utus para

beliau merasa takut dan kembali ke Madinah dengan memberitahu kepada Rasulullah SAW. bahawa ketakutan tersebut tidak benar dan kesannya terselamatlah daripada berlakunya pertumpahan darah. Sebaliknya Rasulullah SAW dan hubungan kaum tersebut kekal kukuh terpelihara.

Di samping ayat di atas, Allah SWT turut mengingatkan manusia agar tidak berbicara tentang sesuatu berdasarkan firman Allah yang bermaksud: “*Janganlah kamu mengatakan sesuatu yang kamu sendiri tidak tahu. Sesungguhnya pendengaran, penglihatan, dan hati setiap orang kelak di akhirat akan diminta tanggungjawab*”.

Semangat untuk membudayakan sikap menyelidik mencari kebenaran berita sepatutnya disuburkan di dalam suasana yang sangat mudah untuk membuat berita palsu dan menyebarkannya dengan menggunakan media sosial. Ingatlah pesan Baginda SAW bahawa memulakan suatu berita bohong dan menyebarkannya adalah bersekutu dengan Allah yang bermaksud: “Sesungguhnya kebenaran membawa kepada kebaikan dan kebaikan membawa ke neraka. Seorang lelaki yang berterusan melakukan dusta sehingga dia ditulis di sisi Allah sebagaimana berdusta sekiranya dia menyampaikan setiap yang didengarnya (tanpa menyelidiki kesahihan)”. (Kamus Bahasa Melayu)

Berdusta itu tidak semestinya memulakan berita palsu tetapi seseorang turut dikira berdusta sekiranya dia menyebarkan berita palsu tersebut dengan pihak lain tanpa menyelidiki kebenarannya sebagaimana sabda Baginda S.A.W. yang bermaksud: “*sebagai berdusta sekiranya dia menyampaikan setiap yang didengarnya (tanpa menyelidiki kesahihan)*”.

Sehubungan itu, dalam suasana ahli masyarakat tinggal di rumah kerana musibah Covid-19, sepatutnya kita berusaha untuk tidak menuliskan, menyebarkan dan berkongsi berita palsu. Berita palsu akan menimbulkan suasana yang tidak baik dan merosakkan diri dan orang lain. Budayakan menyelidiki kasihih berita pada diri dan keluarga dengan berusaha untuk memastikan berita yang dikongsikan adalah berita yang sah dari sumber-sumber yang diyakini. Sekiranya tidak dapat dipastikan, sebaiknya berita tersebut tidak dikongsikan.

Pada saat musibah yang melanda ini, sepatutnya ahli masyarakat berusaha menambahkan amal kebaikan istighfar memohon keampunan atas dosa-dosa yang telah dilakukan dan bukannya dengan menambahkan berita palsu. Sesungguhnya setiap yang dibuat, ditulis atau diucapkan oleh manusia sama ada baik atau buruk, ia akan tersembunyi akan dibalasi oleh Allah sebagaimana firman Allah yang bermaksud: “*Maka sesiapa berbuat dilihat (dalam surat amalnya). Dan sesiapa melakukan kejahatan seberat zarah, nescaya akan dilihatnya*” (Surah Al-Kahf ayat 7-8).

Penulis adalah Pensyarah Kanan, Pusat Sains Kemanusiaan (PSK), Universiti Malaysia Pahang (UMP)

Urus kesihatan mental harungi wabak COVID-19

Menjalani kehidupan sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) semasa wabak COVID-19 ini adalah Maklumlah mereka yang lahir pascamerdeka ini, pasti tidak pernah merasai saat-saat darurat pera mengakibatkan pergerakan terbatas malahan sumber makanan juga sukar diperoleh.

Apabila PKP diumumkan oleh Perdana Menteri Malaysia baru-baru ini, ramai golongan yang terkesan dengan hari malahan kini telah dilanjutkan selama 14 hari lagi. PKP yang diisyiharkan ini adalah bertujuan untuk menyelamat nyawa kerana virus *corona* yang mudah tersebar ini dapat diputuskan rangkaianya.

Nasihat untuk tinggal di rumah, majlis keraian dibatalkan, hadkan jarak ketika berkomunikasi antara satu seseorang dengan orang lain, kerap membasuh tangan dengan sabun dan sekatan di jalan raya dilihat sebagai satu perkara yang suka bersosialisasi atau kata lainnya bermasyarakat. Ini merupakan satu bentuk tekanan buat mereka. Maka kepada kebanyakan orang. Kehidupan yang biasa dilalui dengan bebas, kini perlu dikurangkan dan masa bebas

Terdapat beberapa golongan yang mengalami tekanan (stres) pada masa ini antaranya ialah dalam kalangan ibu rumah tangga. Mereka mungkin merasakan tekanan tinggi kerana kesemua ahli keluarga iaitu anak-anak dan suami berada di rumah sehingga mereka perlu menyediakan hidangan dan mengemas rumah dan pakaian menjadi beban sekiranya ahli keluarga tidak sibuk dengan mereka. Rumah yang berselerak, baju yang bertimbun untuk dilipat dan siaran televisyen yang dikuasai oleh anak-anak di rumah sangat tinggi.

Pelbagai menu perlu disiapkan bagi memenuhi selera ahli keluarga dan memastikan tiada yang kelaparan. Mereka boleh mencuba pelbagai simpanan di dalam telefon dan buku sahaja. Malahan penjimatan wang juga dapat dibuat malahan makanan kerana dimasak di rumah. Maka, faktor kebersihan menjadi keutamaan kepada keluarga. Selain itu, inilah *home cleaning* terhadap barang yang ada di dapur malahan juga untuk kain baju yang mungkin tidak bersih.

keluarga tetapi masih elok. Tanpa kita sedari mungkin ada antara kita yang mengalami tabiat suka (*disorder*) dan menyebabkan ruang rumah menjadi sempit.

Selain itu, bagi golongan kedua iaitu mereka yang biasa bekerja di luar rumah juga akan merasa kekok untuk ke pejabat tetapi kini hanya perlu melakukan kerja dari rumah. Setiap pagi terkejar-kejar untuk naik pejabat dengan meredah kesesakan jalan raya sepanjang perjalanan ke pejabat kini tidak perlu berdepan mengendalikan mesin atau peralatan yang tidak boleh dibawa pulang, pasti mereka ini akan rasa tidak betah.

Konsep *work from home* ini sebenarnya sangat luas. Pelbagai kerja boleh dilaksanakan bukan sahaja melalui telefon untuk membalas emel, mengadakan mesyuarat atas talian dan menyiapkan kertas kerja dan meletakkan atau apa sahaja bahan berilmiah juga boleh dikira sebagai satu aspek bekerja kerana ianya dapat membantu malahan masa yang ada dimanfaatkan sebaiknya.

Bagi golongan ketiga yang merasakan tertekan pula iaitu suami atau ketua keluarga yang perlu membeli iaitu seorang sahaja dibenarkan keluar membeli keperluan rumah. Bagi sang suami yang biasa berbelanja dan tiada isu besar untuk membeli barang keperluan. Tetapi bagi mereka yang hanya memberikan wang bersifat merasai sedikit tekanan. Ini dapat dilihat melalui perkongsian di media sosial berkaitan kisah suami yang mencuci serta ikan dan bahan asas seperti bawang dan rempah ratus. Nampak melucukan tetapi inilah realiti masyarakat wanita atau ibu rumah tangga. Maka pengajaran kepada ibu bapa dapat diambil untuk mula mendidik dan memperempuan untuk dibiasakan berada di dapur dan sama-sama membantu menyiapkan juadah. Kemesraan antara ahli keluarga dan ini akan menjadi momen indah untuk dikenang suatu hari nanti.

Golongan keempat pula ialah ahli masjid yang berasa sedih kerana tidak dapat berjemaah di masjid dan tidak sahaja untuk mereka yang beragama Islam, malahan bagi penganut agama lain seperti Kristian, Hindu dan Budha kerana tempat-tempat seperti masjid, kuil, tokong dan gereja ini adalah tempat mereka bertemu rakan-rakan. Tetapi hikmah yang terjadi, ramai bapa yang boleh memantau ahli keluarga untuk solat berjemaah bersama-sama dengan mereka. Penggunaan teknologi juga boleh dilaksanakan untuk mendengar kuliah agama dan berbincang-

untuk mendengar sama.

Bagi golongan yang kelima ini, iaitu mereka yang suka makan di luar dan melepak bersama rakan-rakan sahabat mereka. Mereka suka membeli dan makanan dibawa pulang. Kebiasaan mereka ini memesan makanan dan minuman saat Pertemuan berlaku dengan bersemuka antara satu sama lain tetapi kini bertukar kepada sibuk menaik turun (Facebook dan Instagram) tentang aktiviti yang dilaksanakan di rumah. Bagi yang mempunyai ahli keluarga yang kurang dirasai. Tetapi bagi mereka yang tinggal keseorangan, kebosanan mula melanda mereka.

Bagi mereka yang mengalami kebimbangan dan panik pula akan mudah terangsang untuk lebih berfikiran ada yang merasa takut dan risau untuk keluar dari rumah. Ada pula yang menjadi panik apabila membaca berita tentang peningkatan kes dan juga kematian sehingga mereka merasakan virus ada di mana-mana sahaja. Mereka cenderung untuk berada di dalam rumah dan tidak berinteraksi dengan orang lain. Dengan sikap melihat perkembangan wabak malahan disarankan untuk berhubung atau berkomunikasi dengan mereka yang berfikiran positif. Ini akan membantu diri mereka menjadi lebih bersemangat dan mampu merasai semangat hidup.

Golongan yang terakhir yang terkesan adalah pada anak-anak yang biasa dihantar ke taska atau yang suka bermain di luar kerana tidak dapat keluar rumah dan berjumpa rakan-rakan untuk belajar, bermain dan juga makan di kafe. Anak-anak ini sering bosan kerana terperap sahaja di dalam rumah.

Maka di sini peranan ibu bapa atau ahli keluarga yang lebih dewasa perlu dimainkan. Melakukan aktiviti sehari-hari seperti bersih-bersih rumah, memasak makanan bersama-sama, bermain bersama-sama dan berjalan-jalan di sekitar rumah. Aktiviti ini akan membantu menghilangkan kebosanan sehingga mereka merasa tertekan. Ajaklah mereka berjalan sekeliling rumah dan mencari tempat-tempat yang menarik untuk bermain. Manfaatkan waktu yang diberi dalam PKP ini untuk kita melihat semula institusi kekeluargaan kita. Kehidupan berkeluarga akan menjadi lebih indah dan bahagia.

Penulis adalah Pegawai Psikologi Kanan, Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Universiti Malaysia Sabah

Sidang Editorial

PENAUNG

Profesor Ir. Dr. Wan Azhar Wan Yusoff
nc@ump.edu.my

KETUA EDITOR

Ts. Dr. Muhamad Mat Noor
muhamad@ump.edu.my

EDITOR

Safriza Haji Baharuddin
safrizah@ump.edu.my

WARTAWAN/PENULIS

Mimi Rabita Abdul Wahit
mimirabitah@ump.edu.my

Nur Hartini Mohd Hatta
nurhartini@ump.edu.my

Nor Salwana Mohammad Idris
salwana@ump.edu.my

PENTADBIR WEB

Mohd Suhaimi Hassan
mohdsuhaimi@ump.edu.my

PEREKA GRAFIK

Noor Azhar Abd Rasid
noorazhar@ump.edu.my

JURUFOTO

Khairu Aidilnishah Rizan Jalil
khairul@ump.edu.my

Muhammad Naufal Samsudin
naufal@ump.edu.my

PEMBANTU PENERBITAN

Hafizatulazlin Abd Aziz
lin@ump.edu.my

Sidang Editorial berhak melakukan diterima untuk penyiaran selagi tidak disiarkan tidak semestinya mengga dan sikap Buletin e-CREATE. Karya semula tanpa kebenaran Ketua Editor.

Sidang Editorial tidak bertanggungjawab yang dikirimkan melalui pos.

Segala sumbangan yang dikirimkan tidak dikembalikan. Sumbangan karya berikan kepada penerbit di:

EDITOR

Bahagian Komunikasi Korporat
Pejabat Naib Canselor
Canseleri Tun Abdul Razak
Universiti Malaysia Pahang
26600 Pekan
Pahang Darul Makmur
Tel.: 09-424 5000
Faks: 09-424 5055
e-Mel: safrizah@ump.edu.my

ISSN 1823-7487



5-Star World Class Technological University
www.ump.edu.my



- 320 views

[View PDF](#)

Newsletter Image

CREATE

e-newsletter



Universiti Teknologi Bertaraf Dunia

